

# Perarakan 'Town and Gown' UTHM hari ini

BATU PAHAT 29 Sept. - Orang ramai dipelawa memeriahkan Perarakan 'Town and Gown' sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang akan diadakan di sekitar bandar ini, esok.

Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman berkata, perarakan yang masuk edisi keenam penganjurannya itu bertujuan menghebahkan kepada masyarakat daerah ini tentang majlis konvokesyen yang dijadual berlangsung pada 11 hingga 13 Oktober ini.

Menurutnya, perarakan yang berkonsepkan *Communi-versity Celebration* itu akan disertai 27 kontinjen membabitkan 1,300 peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan kakitangan UTHM serta agensi luar.

"Perarakan bermula pukul 8.30 malam dari Stadium Batu Pahat ke Jalan Rahmat sejauh 2.55 kilometer, namun aktiviti sampingan bermula sejak pagi iaitu klinik bola sepak kendalian bekas pemain Johor, pameran Kembara Mahkota Johor dan perlawanan persahabatan antara bekas pemain Johor dengan pasukan UTHM.

"Malah, orang ramai yang datang pada sebelah malamnya turut berpeluang menikmati persembahan artis tempatan terkenal, Nash yang akan memeriahkan suasana," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Acara kemuncak pada malam tersebut adalah upacara pembacaan pengisytiharan konvokesyen oleh Abdul Halim sebelum skrol konvokesyen diserahkan kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab. Wahab Ridwan.